

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHAN FOONG HIN [KOTA KINABALU]

TARIKH : 16 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 106

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk nyahrahsia (declassify) laporan tragedi “Double Six” yang berlaku pada 6 Jun 1976 yang mana sebelas nyawa terkorban, termasuklah Ketua Menteri Sabah pada masa itu, memandangkan lebih daripada 43 tahun sudah berlalu dan tiada perlunya laporan tersebut terus dirahsiakan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Cadangan untuk membatalkan pengklasifikasian laporan siasatan berkenaan nahas udara di Kota Kinabalu pada 6 Jun 1976 atau dikenali sebagai ‘Tragedi Double Six’ akan diteliti oleh Kerajaan. Keputusan dan tindakan selanjutnya akan dimaklumkan selepas mendapat persetujuan Jemaah Menteri.

Sekian, terima kasih.